




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **64 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,200 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 93 menjadikan jumlah kumulatif 56,864 orang. Seramai 694 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 262 orang di hospital dan 432 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 49 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning 10 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

- 5 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i. **Kluster Jalan Kilang Dua di Lahad Datu** adalah kluster jenis tempat kerja dan nama kluster sempena nama jalan di Kilang Gamalux Oil. Merekodkan 11 kes positif COVID-19, kluster ini merupakan kali kedua berlaku di kawasan tersebut selepas Kluster Jalan Kilang didaftarkan pada Disember 2020. Kes indeks ialah warganegara lelaki, 37, pekerja di kilang terbabit dan disahkan positif pada 23 April 2021 hasil saringan bergejala di Klinik Kesihatan Lahad Datu. Susulan kes itu, saringan kontak rapat mendapati 10 lagi kes positif. Hasil penelitian, penularan jangkitan dipercayai berlaku akibat penggunaan tempat yang tertutup dan sempit ketika para pekerja berbuka puasa. Aktiviti pengesahan kontak kini aktif dijalankan.
- ii. **Kluster Umas di Kalabakan berlaku di Mukim Brumas, Daerah Kalabakan** dengan catatan jumlah terkumpul sebanyak 34 kes positif. Kes indeks merupakan Pengurus Lesen Pekerjaan Felda Utara Kalabakan yang dikesan positif hasil saringan bergejala pada 22 April 2021. Turut disahkan positif, sembilan (9) ahli keluarga kes indeks serta lapan (8) orang jemaah di sebuah masjid selepas menjalani saringan kontak rapat. Hasil penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika melakukan aktiviti di masjid seperti berbuka puasa dan pengagihan moreh bersama AJK masjid. Pengesahan kontak rapat dan punca jangkitan masih giat dilaksanakan.
- 6 Daripada 64 kes positif COVID-19, sebanyak 31 kes (48.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 10 kes (15.6%) saringan bergejala, 20 kes (31.3%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tiga (3) kes (4.7%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,972 unit
- Hospital 542 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 17.47%.

B PENAMATAN PKPD SELURUH KAMPUS UMS, KOTA KINABALU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Seluruh Kampus UMS, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 2 Mei 2021.
- 2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 5,611 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 35 daripadanya didapati positif COVID-19.
- 3 KKM melaporkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Seluruh Kampus UMS, Kota Kinabalu pada 2 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

C PENAMATAN PKPD SMKA KOTA KINABALU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di SMKA Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 1 Mei 2021.
- 2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 836 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 190 daripadanya didapati positif COVID-19.
- 3 KKM melaporkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal. Manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan kontak rapat diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD pada SMKA Kota Kinabalu pada 1 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

D PKPD KG. BERGOSONG, TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di Kg. Bergosong, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 59 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 22 kes positif COVID-19 telah direkodkan dalam tempoh satu minggu.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Bergosong, Tawau, Sabah bermula 2 Mei sehingga 15 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

E SOP PKPD DI KG SKIM COCOS , KUNAK

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Di Kg Skim Cocos , Kunak adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

F SOP PKPD DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) MADAI, KUNAK

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan(PKPD) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Madai, Kunak adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **404** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,568** orang.

- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **1,103** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **48,051** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **972** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **14,532** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak satu (1) orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,588** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **463,210** (mysejahtera 411,573 : laman web 51,385 : talian vaksinasi 252) bersamaan 15.8%.

H **BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **318,118** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I **LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 44 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 13,913 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 48 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 54 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 27 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tujuh (7) orang : Tidak memakai pelitup muka
 - Empat (4) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
 - 16 orang : Tiada penjarakan sosial.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 78 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 166 lokasi melibatkan seramai 175 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 67 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kinabatangan, Kota Kinabalu dan Sandakan .
- 7 Sejumlah 31 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di IIMA (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 116 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Beluran	98%
3	Beaufort	98%
4	Tenom	98%
5	Kota Marudu	98%
6	Kota Belud	98%
7	Kudat	98%
8	Lahad Datu	98%
9	Kinabatangan	97%
10	Keningau	97%
11	Sipitang	97%
12	Papar	97%
13	Tuaran	97%
14	Ranau	97%
15	Kunak	97%
16	Sandakan	97%
17	Penampang	97%
18	Kota Kinabalu	97%
19	Tawau	96.5%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

01 MEI 2021

LAMPIRAN A

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SKIM COCOS , KUNAK, SABAH

Dikemaskini pada 1 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas AKTIVITI DAN PROTOKOL <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #e60080; color: white;"> <th style="padding: 5px;">Tindakan</th> <th style="padding: 5px;">Penerangan Ringkas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Kawasan yang Terlibat</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> Kg. Skim Cocos, Kunak, Sabah </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Tempoh Berkuatkuasa</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> 1 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 14 Mei 2021 (11.59 malam) </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kawalan Pergerakan</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. </td> </tr> </tbody> </table>	Tindakan	Penerangan Ringkas	Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Kg. Skim Cocos, Kunak, Sabah 	Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 1 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 14 Mei 2021 (11.59 malam) 	Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. 	Pergerakan Penduduk Dibenarkan dengan bersyarat
Tindakan	Penerangan Ringkas									
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Kg. Skim Cocos, Kunak, Sabah 									
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 1 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 14 Mei 2021 (11.59 malam) 									
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. 									

1

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SKIM COCOS , KUNAK, SABAH

Dikemaskini pada 1 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas AKTIVITI DAN PROTOKOL <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #e60080; color: white;"> <th style="padding: 5px;">Tindakan</th> <th style="padding: 5px;">Penerangan Ringkas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Aktiviti di dalam Kawasan PKPD</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> Seumur penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Se semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: 20px; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="padding: 5px;">Bil.</th> <th style="padding: 5px;">Premis Perniagaan</th> <th style="padding: 5px;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">1.</td> <td style="padding: 5px;">Kedai Runcit / Mini Market</td> <td style="padding: 5px;">6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">2.</td> <td style="padding: 5px;">Pasar / Pasar bergerak</td> <td style="padding: 5px;">6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table> </td> </tr> </tbody> </table>	Tindakan	Penerangan Ringkas	Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Seumur penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Se semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: 20px; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="padding: 5px;">Bil.</th> <th style="padding: 5px;">Premis Perniagaan</th> <th style="padding: 5px;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">1.</td> <td style="padding: 5px;">Kedai Runcit / Mini Market</td> <td style="padding: 5px;">6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">2.</td> <td style="padding: 5px;">Pasar / Pasar bergerak</td> <td style="padding: 5px;">6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja	Pergerakan Penduduk Dibenarkan dengan bersyarat
Tindakan	Penerangan Ringkas														
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Seumur penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Se semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: 20px; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="padding: 5px;">Bil.</th> <th style="padding: 5px;">Premis Perniagaan</th> <th style="padding: 5px;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">1.</td> <td style="padding: 5px;">Kedai Runcit / Mini Market</td> <td style="padding: 5px;">6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">2.</td> <td style="padding: 5px;">Pasar / Pasar bergerak</td> <td style="padding: 5px;">6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja					
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi													
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang													
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja													

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SKIM COCOS , KUNAK, SABAH

Dikemaskini pada 1 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ul style="list-style-type: none">a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; danb) membeli keperluan asas.Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.				

LAMPIRAN B

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) MADAI, KUNAK,SABAH.

Dikemaskini pada 1 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar pelajar dan kakitangan dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk pelajar dan kakitangan dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas kakitangan Pergerakan pelajar dan Dibenarkan dengan bersyarat
---	--

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Madai, Kunak,Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 1 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 14 Mei 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) MADAI, KUNAK,SABAH.

Dikemaskini pada 1 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar pelajar dan kakitangan dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk pelajar dan kakitangan dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas kakitangan Pergerakan pelajar dan Dibenarkan dengan bersyarat
---	--

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Sebaua pelajar dan kakitangan di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Sebaua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="padding: 5px;">Bil.</th> <th style="padding: 5px;">Premis Perniagaan</th> <th style="padding: 5px;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px; text-align: center;">1.</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">Kedai Runcit / Mini Market</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px; text-align: center;">2.</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">Pasar / Pasar bergerak</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETAKTAN (PKPD) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) MADAI, KUNAK,SABAH.

Dikemaskini pada 1 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperi ketetapan dalam penerangan ringkas kakitangan	Pergerakan pelajar dan	Dibenarkan dengan bersyarat
AKTIVITI DAN PROTOKOL						
Tindakan	Penerangan Ringkas					
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ul style="list-style-type: none">a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; danb) membeli keperluan asas.Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, pelajar dan kakitangan dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua pelajar dan kakitangan yang terlibat.Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.					